

**PENDEKATAN AL-MUADDIB DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**  
**AL-MUADDIB'S APPROACH IN THE TEACHING AND LEARNING OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS**Salinda binti Sahrin<sup>1</sup>, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani<sup>2</sup><sup>1</sup> Pelajar Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, P96947@siswa.ukm.edu.my.<sup>2</sup> Pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, zulghani@ukm.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

Guru Pendidikan Islam (GPI) memang mempunyai tanggungjawab menyampaikan ilmu terus kepada anak muridnya. Di samping itu, menghapuskan kejahilan, memperkukuhkan amalan, menerapkan nilai-nilai murni, mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran juga menjadi peranan GPI. Walau bagaimanapun, sejauh mana peranan tersebut mampu melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak dan adab yang baik tanpa GPI itu sendiri memberi contoh teladan yang baik. Pendekatan yang sesuai sangat diperlukan dan ini boleh dilakukan dengan melaksanakan pendekatan al-Muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan al-Muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran GPI dalam usaha membentuk akhlak dalam kalangan pelajar. Ia dilakukan berdasarkan kepada kajian lepasan dalam bidang pendidikan dan peranan guru dalam membentuk akhlak dan adab pelajar. Artikel ini merumuskan bahawa pendekatan al-Muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran GPI dapat dilaksanakan dan mampu membantu dalam pembentukan akhlak dan adab yang baik dalam kalangan pelajar dengan mempraktikkan beberapa sifat al-Muaddib. Antara sifat-sifat yang dapat dipraktikkan dan perlu ada dalam kalangan GPI ialah prihatin terhadap pemahaman dan keperluan pelajaran pelajar, menepati masa, memberi contoh akhlak yang baik, menjadi role model berpakaian sopan dan menurut syariat, bil hikmah dan mau'izatul hasanah dan rendah diri, sopan serta beretika. Sifat-sifat al-Muaddib dalam kalangan GPI ini mampu membantu dalam pembentukan akhlak dan adab pelajar.

**Kata kunci**

guru Pendidikan Islam, al-Muaddib, pembentukan akhlak, sifat guru, peranan guru

**Abstract**

*Teachers of Islamic Education (GPI) have the responsibility to impart knowledge directly to their students. In addition, eliminating ignorance, strengthening practices, inculcating virtuous values, calling to goodness and preventing evil is also the role of the GPI. However, the extent to which the role is capable of producing students with good morals and manners without the GPI itself sets a good example. An appropriate approach is much needed and this can be done by implementing the al-Muaddib approach in the teaching and learning of Islamic Education. Accordingly, this article aims to discuss al-Muaddib's approach in the teaching and learning of*

*GPI in an effort to shape morals among students. It is done based on graduate studies in the field of education and the role of teachers in shaping the morals and manners of students. This article concludes that al-Muaddib's approach in the teaching and learning of GPI can be implemented and is able to help in the formation of good morals and manners among students by practicing some of the attributes of al-Muaddib. Among the qualities that can be practiced and must be present among GPIs are concern for the understanding and educational needs of students, punctuality, setting an example of good morals, being a role model dressed politely and according to the syariah, bil hikmah and mau'izatul hasanah and humility, polite and ethical. The qualities of al-Muaddib among the GPI are able to help in the formation of morals and manners of students.*

**Keywords**

*teachers of Islamic Education, al-Muaddib, moral formation, the nature of teachers, the role of teachers*

**1.0 Pengenalan**

Akhlak merupakan aspek paling penting dalam penilaian diri seorang manusia. Walau bagaimanapun, untuk mempunyai adab dan akhlak yang mulia seseorang perlu melalui proses pendidikan, pengasuhan dan pembiasaan kerana akhlak tidak bersifat tetap dan boleh berubah. Pendidikan dalam Islam bermatlamat ke arah pembentukan individu yang sempurna dari segi pertambahan ilmu, pembentukan akhlak dan pembinaan rohani. Selain itu, pendidikan dalam Islam juga bertujuan menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak bagi melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral ke arah kementerian insan yang sempurna (Ajmain @ Jimaa'in Safar, 2015). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9A/1976 Bimbingan Agama Bagi Murid-Murid Beragama Islam, jelas menunjukkan pendidikan dalam Islam memberikan ruang dan peluang kepada guru Pendidikan Islam membimbing pelajar dengan akhlak yang baik dan meneruskan dakwah yang ditinggalkan Rasulullah SAW. Justeru, guru Pendidikan Islam mempunyai kedudukan yang tinggi disebabkan usaha mereka yang memberi santapan rohani dan ilmu, membina akhlak pelajar dan membetulkan perilaku yang salah (Makhromi, 2017).

Akhlak pelajar hanya dapat dibentuk dengan sempurna apabila pendidikan dan persekitaran yang sempurna dapat disediakan (Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri, 2015). Ini bertepatan dengan aspirasi yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, bahawa komitmen guru Pendidikan Islam amat diperlukan dan berupaya dalam menyediakan diri sebagai pembina generasi dan pemimpin spiritual bagi melahirkan pelajar yang mengamalkan etika kerohanian dan beridentiti Muslim, selain dapat melahirkan warganegara yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini dan paling utama guru Pendidikan Islam berupaya mengadabkan pelajar (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim 2017).

Justeru itu, pelajar merupakan cerminan guru yang akan menjadi peneraju generasi akan datang. Menurut Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2017), dalam membentuk personaliti yang baik dan adab pelajar, guru amat berperanan dalam menunjukkan contoh yang baik sama ada sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Ini kerana segala tingkah laku guru akan diperhatikan dinilai oleh pelajar. Bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam, selain mengajarkan ilmu pengetahuan, guru

Pendidikan Islam juga merupakan seorang pendidik yang akan membentuk sahsiah pelajar berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah yang dilaksanakan sebagai satu usaha yang berterusan. Seterusnya pelajar tersebut menjadi hamba Allah yang bertanggungjawab kepada negara, masyarakat dan alam sekitar demi mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.

Di samping memberi perhatian kepada aspek akademik, pemantapan rohani juga patut diberi perhatian yang sewajarkan kerana ilmu dan pendidikan dalam Islam merupakan ilmu sepanjang hayat. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam juga seharusnya mempunyai adab dan amalan kerohanian yang tinggi terlebih dahulu bagi membentuk hamba Allah yang sebenar. (Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Zawawi Ismail, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Che'Razi Jusoh 2018). Warga pendidik khasnya guru Pendidikan Islam perlu menekuni dan menterjemahkan ajaran Nabi Muhammad SAW dalam usaha mereka menjadi suri teladan yang baik untuk membentuk generasi masa hadapan.

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa membentuk akhlak dan adab yang mulia dalam kalangan pelajar merupakan sebahagian tanggungjawab guru Pendidikan Islam dan menjadi contoh teladan kepada pelajar kerana guru-guru juga sentiasa menjadi perhatian pelajar. Oleh itu, objektif penulisan ini bertujuan untuk membincangkan tentang pendekatan al-muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam supaya guru Pendidikan Islam tidak terlepas pandang dalam membentuk akhlak dan adab pelajar melalui konsep ta'dib di samping memenuhi kehendak silibus dalam memberi ilmu pengetahuan.

## 2.0 Definisi Al-Muaddib

Merujuk kepada kamus online al-Maany, perkataan muaddib merupakan ism fa'el daripada perkataan addaba. Perkataan addaba adalah kata kerja bagi perkataan muaddib yang bermaksud mendidik, melatih, memperbaiki, mendisiplinkan dan memberi tindakan (Muhammad Ridwan 2018; Maman Sutarman 2018). Berdasarkan penelitian Zuraidah Othman (2013) dalam kajiannya, perkataan addaba dapat diertikan sebagai kesopanan, kemesraan dan kehalusan budi pekerti yang sinonim dengan makna akhlak atau adab. Di samping itu, adab ini juga dapat dikaitkan dengan dunia sastera yang menjelaskan tentang hal-hal yang indah yang dapat mencegah daripada kesalahan. Oleh kerana itu, seorang sasterawan juga akan disebut sebagai adib. Menurut Ibnu Manzur (1999) dan Fairuz Abadi (1997), perkataan addaba bermaksud 'allama iaitu mendidik. Manakala al-Faraid al-Durriyah (1982) menyatakan bahawa perkataan addaba bermaksud untuk memberikan yang baik, menghukum atau membetulkan (Rusliza binti Othman & Kamarul Shukri bin Mat Teh, 2018).

Merujuk Kamus Dewan Edisi keempat, adab bermaksud tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus dan kesopanan serta cara seseorang berkelakuan dalam sesuatu situasi tertentu. Secara etimologi, adab merupakan istilah Arab yang bermaksud adat istiadat; yang menunjukkan tabiat, etika dan corak tingkah laku yang ditiru daripada orang yang dianggap sebagai model. Kata adab berasal dari perkataan yang bermaksud sesuatu yang indah atau persiapan untuk sebuah jamuan. Adab dalam pengertian ini adalah sama dengan kelaziman perkataan Latin yang bermaksud kesopanan dan kehalusan budi pekerti

penduduk kota yang bertentangan dengan kekerasan orang-orang Badwi. Jadi, dapat disimpulkan bahawa adab ini bermaksud akhlak yang baik. Adab juga bermakna pendidikan. Secara terminologi pula, adab adalah tabiat atau tingkah laku baik yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi selepasnya. Menurut al-Attas, adab adalah suatu ilmu yang bertujuan untuk mencari pengetahuan serta pengiktirafan terhadap keadaan dan kedudukan seseorang mengikut darjat dan martabat yang merupakan hakikat yang berlaku dalam sifat alam semesta, sedangkan tujuan mencari pengetahuan dalam Islam adalah untuk menanamkan kebaikan dalam diri manusia (Ali Noer et al. 2017; Mohd Anuar Mamat et al. 2018).

Menurut Dedeng Rosidin pula, perkataan adab digunakan secara umum semasa zaman kegemilangan Islam. Perkataan adab digunakan untuk semua pengetahuan yang dihasilkan oleh pemikiran yang baik sama ada yang berkaitan secara langsung dengan Islam atau tidak. Pengetahuan yang dihasilkan ini berkembang menjadi tingkah laku yang bermakna dan baik serta seterusnya membina akhlak yang baik. Oleh yang demikian, perkataan adab ini dapat dirumuskan sebagai: 1) mengajar orang yang belajar supaya berbudi pekerti yang baik, 2) mendidik jiwa dan akhlak yang baik, 3) melatih supaya berdisiplin (Indra Fajar Nurdin, 2015). Menurut pandangan Marwan Ibrahim Al-Kaysi (2003) pula, adab adalah tingkah laku baik yang berasal daripada ajaran dan perintah Islam. Sejajar dengan itu, Al-Jurjani memberi pendapatnya bahawa adab adalah pengetahuan yang dapat memelihara seseorang daripada melakukan kesilapan yang merupakan bayangan kepada akhlak yang mulia yang mesti diamalkan (Ali Noer et al. 2017; Mohd Anuar Mamat et al. 2018; Zuraidah Othman 2013). Oleh yang demikian, adab merupakan cermin keperibadian seseorang yang lebih tepat sekali adab ini merupakan sopan santun seseorang (Albar Adetary Hasibuan, 2016). Kesemua takrifan yang telah diberikan amat bertepatan sebagaimana yang telah disebut dalam hadith dari Abu Hurairah Radiallahuanhu 'Anhu, Rasulullah Shall Allahu 'Alaihi Was Allam bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: "Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."

Ahmad, no 8952

Rasulullah Shall Allahu 'Alaihi Was Allam merupakan contoh terbaik dalam menunjukkan akhlak dan adab yang dapat membimbing umat manusia ke arah kebaikan. Maka dengan itu, Allah mengutuskan baginda untuk membimbing manusia dengan akhlak yang ditunjukkan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya pada diri Rasulullah ada teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharap Allah dan hari akhir serta banyak berzikir kepada Allah." (Surah al-Ahzab, ayat 21). Sifat penuh kasih sayang dan kebaikan budi pekerti yang ditunjukkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW sentiasa menjadi aspek yang dapat memukau khalayak ketika Baginda menyampaikan ajaran Islam. Baginda tidak hanya menyeru umat manusia melakukan kebaikan tetapi menunjukkan teladan yang baik dengan melaksanakannya.

Selain itu, dalam sabda Nabi Muhammad Shall Allahu 'Alaihi Was Allam yang lain juga ada menyebutkan berkenaan adab yang merupakan hadis qudsi daripada surah al-Syu'ara (26) ayat 18 yang berbunyi:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسِنِي تَأْدِيبِي (حَدِيثٌ قُدْسِي)

Maksudnya: "Tuhanku telah mendidikku maka ia sempurnakan pendidikanku".

Al-Burhan (1993/1413 : 406)

Berdasarkan kepada kesemua takrifan berkenaan adab tadi, dapat kita fahami muaddib membawa maksud yang hampir sama dengan istilah mentor yang memupuk adab, akhlak, nilai atau proses pembentukan disiplin dan sikap pelajar bagi membentuk sahsiah. Guru yang muaddib bukan sahaja perlu mengajar nilai-nilai murni tetapi guru itu juga mesti mengamalkan nilai-nilai murni tersebut. Muaddib yang mempunyai budi pekerti yang tinggi, mampu membina kecergasan akal dan jasmani dan menitik beratkan potensi insan serta menerapkan akhlak mulia dan seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

### 3.0 Sifat Guru Pendidikan Islam Sebagai Al-Muaddib

Menurut Albar Adetary Hasibuan (2016), tugas seorang guru tidak hanya sekadar mengajar pelajaran mengikut silibus yang ditetapkan, tetapi seorang guru yang muaddib dituntut juga untuk mendidik jasmani dan rohani pelajar. Ini kerana Al-Attas ada menyebutkan bahawa pendidikan yang diterapkan pada zaman nabi dan para sahabat lebih sinonim dan berfokus kepada ta'dib daripada ta'lim mahupun tarbiyah. Dalam hal ini, Tety Marzukhoh & Mahasri Shobahiya (2017) menegaskan bahawa tugas guru Pendidikan Islam berbeza dengan tugas guru daripada bidang lainnya. Di samping memberi ilmu pengetahuan berkenaan ilmu agama, guru Pendidikan Islam juga melaksanakan tugas pendidikan dan pembinaan akhlak dan adab pelajar, membantu pembentukan peribadi serta mengukuhkan keimanan dan ketakwaan pelajar.

Menurut Mash'ari (1993) dan 'Ulwan (1998), guru wajib mempunyai sifat-sifat terpuji dan sifat terpuji yang paling utama adalah sifat zuhud dalam menjalankan tugas mendidik pelajar. Guru Pendidikan Islam yang muaddib perlu berusaha menjadikan diri mereka sebagai contoh teladan yang utama kepada para pelajar selain menjadi muallim, murabbi dan mursyid kerana guru Pendidikan Islam merupakan individu yang amat memberi pengaruh dan sentiasa diperhatikan dalam setiap perlakuan dalam membentuk personaliti pelajar (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2017). Menurut Ibrahim Amini (1997) sifat-sifat terpuji seorang guru selain zuhud, mereka sering berusaha untuk membersihkan dan menyucikan diri daripada segala bentuk kekotoran (dosa) seperti riak, 'ujub, hasad dan pamarah. Selain itu, menjaga kebersihan diri dan rohani dengan memilih dan menjaga makanan dari sumber yang diyakini suci dan bersih. Dari segi penampilan diri, sebagai muaddib haruslah sentiasa menjaga kebersihan diri, memakai pakaian yang bersih dan mengikut syariat serta berkeperibadian mulia. Maka disebabkan itu, guru yang muaddib perlu sentiasa menjaga kehormatan dan maruah diri mereka pada pandangan pelajar dan masyarakat (Rusliza binti Othman & Kamarul Shukri bin Mat Teh, 2018).

Menurut Mohd Anuar Mamat et al. (2018) dalam kajiannya, seharusnya seorang yang bergelar guru perlu mengambil perhatian terhadap amal ibadah serta sentiasa bermujahadah dalam setiap amalan. Ini kerana sekiranya guru tidak mengambil berat tentang perkara ini, kemungkinan masyarakat dan pelajar khususnya akan memandang serong dan berasa kurang hormat terhadap guru. Maka dengan itu, untuk menjadi guru yang muaddib seharusnya menyeimbangkan antara sifat al-khawf dan al-rajā' sama ada dalam kehidupan mahupun semasa menjalankan tugas. Impaknya, guru akan sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT dalam setiap apa yang telah diaturkan oleh Allah SWT walaupun guru mungkin akan menghadapi cabaran dan ujian ketika menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran. Pendapat ini disokong oleh Rusliza binti Othman & Kamarul Shukri bin Mat Teh (2018) dalam kajiannya bahawa guru juga perlu menitikberatkan aspek ibadah kerana ibadah yang sempurna dapat membentuk sifat dan peribadi yang mulia. Oleh kerana itu, guru yang muaddib yang akan membentuk akhlak dan adab pelajar harus memiliki sifat terpuji seperti kasih sayang, memberi nasihat, amanah, sabar, serta dapat menjadi qudwah hasanah hasil daripada ibadah yang sempurna.

Kesemua sifat-sifat guru Pendidikan Islam yang telah dibincangkan tadi sebenarnya telah disebut oleh Razaleigh Muhamat Kawangit (2014) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa ciri-ciri muaddib guru Pendidikan Islam antaranya berpakaian dengan pakaian yang sesuai dan kemas mengikut syariat Islam, menepati masa, bercakap dengan kata-kata yang sopan dan berhemah, menunjukkan kewibawaan sebagai seorang guru yang berautoriti dan berilmu. Selain itu, ciri-ciri muaddib lain yang disebutkan adalah menunjukkan sikap prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan, pelajaran dan perkembangan adab pelajar, menunjukkan sifat tawaddu' atau rendah diri, mempamerkan sifat keceriaan dalam apa juga keadaan, menjaga maruah dengan berperwatakan yang baik serta menerapkan akhlak yang baik kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan ini amat bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini (2016) berkenaan akhlak guru dalam pengajaran dan pengajaran Pendidikan Islam yang mengambil pandangan imam al-Ghazali. Antara akhlak guru yang disebutkan oleh Sofiah Mohamed et al. yang perlu dipraktikkan oleh guru Pendidikan Islam semasa proses pengajaran dan pembelajaran ialah bersifat kasih sayang dan simpati terhadap pelajar. Sifat ini dapat dipraktikkan dengan menyayangi dan mengambil berat tentang keperluan pelajar seperti anak sendiri. Proses pengajaran dan pengajaran pula dilaksanakan mengikut tahap dan kemampuan aras pelajar. Akhlak seterusnya, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah dalam mendidik dan mengajar pelajar tanpa mengharap apa-apa balasan atau ganjaran daripada pelajar. Selain itu, sebagai guru Pendidikan Islam haruslah menasihati pelajar dengan memberi kata-kata atau nasihat yang baik dan mencegah atau membetulkan kesilapan pelajar dengan cara yang berhemah. Pelajar yang melakukan kesilapan haruslah ditegur dengan kata-kata yang baik yang mudah difahami dan disenangi oleh pelajar. Seterusnya, akhlak yang mesti diamalkan oleh guru Pendidikan Islam semasa pengajaran dan pembelajaran adalah beramal dengan ilmu yang dimiliki. Ini kerana menurut Didik Efendi (2019), peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat berpengaruh dalam pembentukan akhlak dan adab pelajar. Oleh kerana itu, guru dituntut untuk mempunyai akhlak yang mulia dengan mengamalkan ilmu yang dimiliki sebelum menyampaikan ilmu tersebut

kepada pelajar. Ini kerana pelajar amat peka dan sentiasa memerhati tingkahlaku, akhlak dan adab guru yang menyampaikan ilmu.

#### 4.0 Pendekatan Al-Muaddib Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Merujuk kepada sifat-sifat guru Pendidikan Islam yang muaddib tadi, dapat dirumuskan bahawa antara pendekatan al-muaddib yang dapat dipraktikkan oleh guru Pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

##### 4.1 Prihatin Terhadap Pemahaman Dan Keperluan Pelajaran Pelajar

Seorang guru yang muaddib haruslah mempunyai sifat kasih kepada pelajar seperti mana mereka melayani atau mendidik dengan penuh kasih sayang terhadap anaknya (Hamdi Ishak, 2015). Akhlak dan sunnah Rasullullah sentiasa diamalkan supaya pelajar berasa disayangi dan sentiasa bersemangat sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2015), menunjukkan sifat seperti ibu bapa dalam kalangan guru Pendidikan Islam terhadap pelajar ketika mendidik amat dituntut dan wajib dilakukan ketika berhubungan dengan pelajar. Ini kerana apabila hubungan baik antara guru dan pelajar umpama seperti seorang ibu atau ayah kepada anak, menjadikan ia satu faktor utama dalam kejayaan pelajar. Di samping itu sifat adil, ikhlas, disiplin dan amanah yang dipamerkan guru akan memberikan rasa hormat yang tinggi pelajar kepada guru Pendidikan Islam. Ini disokong oleh Hariyanto & Fibriana Anjaryati (2016) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa amat penting hubungan baik dan kasih antara guru dan pelajar kerana keberhasilan sesi pengajaran dan pembelajaran yang positif amat berkait dengan hubungan baik antara guru dan pelajar. Walau bagaimanapun menurut al-Attas, sikap memberi perhatian terhadap pelajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang diumpamakan seperti sikap ambil berat dan perhatian seorang ayah atau ibu harus dilaksanakan dengan penuh kesederhanaan. Ketika pelajar melakukan kesalahan atau melakukan sesuatu perbuatan yang tidak beradab, semestinya guru akan berasa marah dan seharusnya marah seorang guru itu dalam keadaan yang sederhana dan tidak melampui batas dalam mendidik pelajar (Tety Marzukhoh & Mahasri Shobahiya, 2017).

Selain bersifat prihatin seperti ibu bapa, menurut Khadijah Abdul Razak & Mohamad Zaid Dzakaria (2015) guru Pendidikan Islam juga harus peka terhadap kemampuan setiap pelajar dari segi kebolehan dan tahap pemahaman pelajar dalam pelajaran. Teknik pengajaran juga harus berbeza mengikut tahap kemampuan pelajar supaya mereka berasa sentiasa bermotivasi dan bersemangat dalam pelajaran. Sifat adil yang ditunjukkan guru Pendidikan Islam terhadap setiap pelajar menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan dan secara tidak langsung akan memberi dorongan dan semangat kepada pelajar untuk lebih berusaha dan berjaya. Guru tidak seharusnya terburu-buru menghabiskan silibus pelajaran yang telah dirancang tetapi sebaliknya harus memahami setiap pelajar tidak mempunyai tahap pemahaman dan kemampuan yang sama. Ini menuntut kesabaran dalam kalangan guru mendidik pelajar yang mempunyai pelbagai keneah dan tahap kemampuan masing-masing (Tety Marzukhoh & Mahasri Shobahiya, 2017). Oleh itu, sifat sabar dan adil menunjukkan bahawa guru tersebut amat prihatin dengan perkembangan dan keperluan pelajaran pelajar yang mempunyai tahap kemampuan dan kefahaman yang berbeza.

Selain itu, menurut Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah, & Zetty Nurzuliana Rashed (2016), guru juga perlu berusaha untuk berhubungan rapat dengan pelajar dengan menggunakan pendekatan psikologi supaya pelajar tidak berasa malu atau takut untuk berkongsi masalah sama ada dalam pelajaran atau masalah luar daripada pelajaran. Ini kerana menurut Siti Aminah Binti Ahmad, Zety Azlin Binti Elias, & Raikhan Binti Mormin (2017), guru yang baik dan dapat memberi keselesaan kepada pelajar biasanya akan dipercayai untuk pelajar berkongsi segala masalah yang dihadapi dan dengan itu guru juga akan dihormati. Oleh itu, sifat prihatin akan lahir daripada jiwa guru terhadap sebarang permasalahan yang dihadapi pelajar sama ada berkaitan aktiviti-aktiviti sekolah atau hal-hal yang melibatkan keluarga atau aktiviti sosial pelajar. Maka dengan itu, pelajar akan melihat kepekaan guru terhadap masalah yang dihadapi dan ia dapat meningkatkan lagi penghayatan akhlak yang cuba diterapkan oleh guru dengan menjadi contoh yang baik kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, menurut Mohamad Khairi Othman (2016) dalam kajiannya mendapati ketegasan dalam mendidik pelajar dapat membentuk akhlak dan adab pelajar selain mempunyai hubungan yang baik dan rapat dengan pelajar. Ini kerana pada pendapat Mohamad Khairi, melalui teguran dan amaran yang tegas terhadap salah laku pelajar menyebabkan pelajar tidak mahu dan takut untuk mengulangi kesalahan yang telah dilakukan. Di samping ketegasan, pujian harus diberikan sekiranya pelajar melakukan kebaikan dan mengamalkan akhlak yang terpuji serta beradab. Pujian dan galakan akan menjadikan pelajar sentiasa bermotivasi dan bersemangat untuk melakukan kebaikan serta berakhlak dan beradab walau di mana pelajar berada. Ini akan meningkatkan lagi disiplin pelajar dan usaha dalam membentuk akhlak dan adab pelajar akan tercapai. Kaedah memberi ganjaran atau dendaan juga dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar kerana pelajar akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh mengikut setiap arahan yang diberikan oleh guru (Khadijah Abdul Razak & Mohamad Zaid Dzakaria, 2015). Ini diakui oleh Evi Aeni Rufaedah (2017) bahawa apabila pelajar mendapat sesuatu yang positif seperti pujian, galakan atau sesuatu ganjaran selepas pelajar melakukan kebaikan sama ada menyiapkan tugas yang diberikan guru atau sikap yang baik, secara tidak langsung pelajar akan suka dan selalu melakukannya. Walaupun pemberian ganjaran dilihat lebih bersifat keduniaan tetapi jika dibandingkan dengan aspek keagamaan, seseorang yang melakukan kebaikan pasti akan diberi ganjaran di akhirat kelak.

#### 4.2 Menepati Masa

Guru yang muaddib haruslah sentiasa berusaha untuk menepati masa dengan menghadirkan diri ke kelas tepat pada masa yang telah ditetapkan (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2017). Ini menjadikan pelajar belajar daripada guru dengan sentiasa menepati waktu ketika menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Di samping itu, melalui keteepatan masa yang ditunjukkan oleh guru, pelajar akan lebih menghormati diri dan sentiasa membuatkan pelajar sentiasa bersedia untuk menerima pelajaran seterusnya. Selain itu, dengan menepati masa dapat menjadikan guru lebih memanfaatkan masa sepanjang berada di sekolah. Menurut Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Zawawi Ismail, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Che'Razi Jusoh (2018), dengan memanfaatkan masa yang ada,

guru dapat mengelakkan diri daripada perkara yang lebih kepada membuang masa dengan bersebang-sembang dengan rakan sekerja dan melakukan perkara-perkara yang tiada kaitan dengan profesion sebagai seorang guru. Guru yang sentiasa berwaspada dengan masa akan sentiasa menyedari bahawa Allah SWT sentiasa memerhati dan menilai setiap perkara yang dilakukan oleh guru.

Maka dengan itu, pengurusan masa oleh guru amat penting bagi melancarkan setiap yang telah dirancang sepanjang sesi persekolahan. Menurut Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Zawawi Ismail, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Che'Razi Jusoh (2018) lagi, guru juga perlu memperuntukkan sedikit masa bermuhasabah diri dan menyelesaikan tugas-tugas yang tertangguh. Pengurusan masa yang baik dapat memberikan impak yang positif dalam setiap pekerjaan yang akan dilakukan sama ada berupa keperluan terhadap diri, keluarga atau pun masyarakat. Guru yang bijak mengurus masa juga mampu mengoptimumkan secukupnya setiap waktu-waktu yang diperuntukkan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Ini amat bertepatan dengan dapatan kajian lanjutan yang dijalankan oleh Mohd Anuar Mamat, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Che Zarrina Sa'ari, Azizi Che Seman, Nur Ulfah Harun, & Muhammad Zariff Ilias (2019) yang menyebut bahawa Imam Abu Hanifah amat mementingkan pengurusan masa yang baik supaya masa yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran dalam dilaksanakan secara lebih optimum. Guru seharusnya lebih faham dan sedar bahawa masa berjalan begitu cepat dan perlu mengoptimumkan sehabis baik sesi pengajaran dan pembelajaran dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran agar pelajar dapat menggunakan masa pembelajaran dengan sebaiknya.

#### 4.3 Memberi Contoh Akhlak Yang Baik

Keperibadian dan contoh akhlak yang baik dalam kalangan guru amat memberi kesan yang positif kepada keberkesanan dalam membentuk akhlak pelajar. Sebagaimana guru mengharapkan pelajar berakhlak mulia, begitu juga pelajar yang sentiasa memerhati setiap gerak laku dan personaliti guru yang sentiasa berharap agar guru menunjukkan contoh akhlak yang baik sama ada ketika berada di dalam mahu pun di luar kelas. Pelajar mengharapkan guru dapat memberi contoh yang baik dengan menunjukkan sifat kejujuran, penyayang, mesra dan juga menghormati pelajar (Khadijah Abdul Razak & Mohamad Zaid Dzakaria, 2015). Menurut Khadijah, keperibadian dan akhlak guru di dalam kelas merupakan satu perkara yang penting dalam memastikan keberkesanan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana sikap dan tingkah laku yang dipamerkan guru merupakan kunci utama dalam memastikan keberhasilan penyampaian ilmu dan usaha pembentukan akhlak pelajar. Sebagaimana didikan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, begitulah juga didikan dan ajaran Baginda terhadap para sahabat sehingga menjadi manusia yang berakhlak terpuji dan baik budi pekerti (Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, 2015). Ini disokong oleh Mohamad Khairi Othman (2016) yang menyatakan bahawa teknik modeling atau contoh teladan amat penting dalam mengajak orang lain kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ  
اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Surah al-Ahzab (33):21

Dalam permasalahan guru sebagai ikutan dan contoh teladan, guru amat dituntut agar berakhlak baik, mempunyai moral yang tinggi dengan sifat sabar dan penyayang terhadap pelajar (Moh. Miftahul Choiri, 2016). Ini kerana menurut Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah, & Zetty Nurzuliana Rashed (2016), akhlak dan keperibadian guru amat mempengaruhi tindak-tanduk pelajar yang sentiasa memerhati dan mengikut tingkah laku perbuatan dan cara percakapan guru yang mengajar. Di samping menyampaikan ilmu pengetahuan, guru sepatutnya berusaha menunjukkan adab dan akhlak yang baik kepada pelajar sesuai dengan apa yang disampaikan supaya pelajar dapat dibentuk ke arah akhlak yang lebih baik dengan menunjukkan contoh dan teladan yang baik. Pendekatan ini amat penting dalam menerapkan elemen akhlak dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat dirujuk oleh pelajar untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian dengan memerhati setiap tingkah laku baik yang ditunjukkan oleh guru. Pandangan ini disokong oleh Mohamad Khairi Othman (2016) melalui dapatan kajian yang dilakukan bahawa teknik atau pendekatan melalui contoh teladan dan role model dalam membentuk akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru amat berperanan dalam menjadi model pembentuk akhlak dengan mengamalkan adab dan akhlak yang baik kepada pelajar. Di sini dapat dilihat bahawa peranan guru bukan sahaja menyebarkan dan menyampaikan ilmu semata-mata tetapi hakikat peranan guru yang sebenar adalah sebagai contoh teladan yang baik kepada pelajar.

Justeru itu, hal ini amat berkait rapat dengan personaliti guru. Menurut Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2017), personaliti amat memainkan peranan dalam diri seorang individu kerana dengan personaliti, ia berkaitan dengan apa yang individu itu benar-benar suka lakukan dan dengan personaliti juga bukan setakat apa yang individu itu lihat dirinya sendiri malah tentang apa yang orang lain lihat akan dirinya. Personaliti atau karakter seorang guru yang muaddib haruslah menggambarkan satu perilaku dan akhlak yang luhur dari setiap segi perbuatan dan percakapan dalam tindakan sehari-harian. Guru Pendidikan Islam khususnya seharusnya mempunyai sifat zuhud, ikhlas dan bebas daripada akhlak dan perlakuan yang tidak baik. Selain itu, haruslah berilmu dengan apa yang diajar dan disampaikan kepada pelajar supaya dapat menjadi contoh teladan kepada pelajar serta sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam setiap tugas yang diberi (Tety Marzukhoh & Mahasri Shobahiya, 2017). Ini amat bertepatan dengan pandangan Ali Noer, Syahraini Tambak & Azin Sarumpaet (2017) dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa syarat utama keberhasilan pendidikan akhlak di sekolah adalah bermula daripada guru-guru yang menunjukkan contoh teladan yang

baik. Ini kerana aspek amalan yang baik dalam kalangan guru amat memberi kesan kepada pelajar dan pelajar dapat belajar dan mencontohinya (Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Zawawi Ismail, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Che'Razi Jusoh, 2018). Contoh teladan ini amat rapat dengan Nabi Muhammad SAW yang menjadikan diri Baginda sebagai contoh keperibadian yang unggul dengan mendidik manusia melalui akhlak Baginda untuk menyempurnakan pembentukan akhlak yang baik (Ubabuddin, 2018). Maka itu, menurut Rusliza binti Othman & Kamarul Shukri bin Mat Teh (2018) guru-guru yang muaddib seharusnya sedar bahawa diri mereka amat berpengaruh dan sentiasa menjadi ikutan pelajar. Ini kerana menurut Didik Efendi (2019), setiap perilaku dan tindak tanduk guru sama ada perbuatan atau percakapan akan sentiasa diperhatikan oleh pelajar. Pelajar akan mudah meniru dan terikut dengan perilaku guru yang mereka lihat kerana pada fasa ini pelajar terutama pelajar yang masih di peringkat sekolah rendah memiliki sifat ingin meniru tanpa memikirkan perkara itu baik atau buruk. Oleh kerana itu, guru amat dituntut untuk menunjukkan akhlak yang baik supaya pelajar dapat mencontohinya.

Qudwah hasanah dalam kalangan guru Pendidikan Islam khasnya amat memberi kesan kepada pembentukan akhlak pelajar (Azmil Hashim, Norisham Muhammad, & Mohd Marzuqi Abdul Rahim, 2016). Ini kerana dengan amanah yang dipikul untuk mendidik ke arah pendidikan Islam yang syumul, pelajar haruslah ditunjukkan dengan sesuatu amalan yang mencerminkan kesucian agama Islam. Qudwah hasanah yang menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai role model utama dalam memberi contoh akhlak yang baik sentiasa menghindarkan diri daripada sifat-sifat keji (takhalli), sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji (tahalli) dan mengagungkan Allah SWT (tajalli) (Evi Aeni Rufaedah, 2017). Baginda mempunyai keperibadian yang istimewa sehingga baginda mengamalkan sesuatu perbuatan baik terlebih dahulu sebelum memerintahkan umatnya melakukan. Setiap suruhan dituruti dan tingkah laku Baginda menjadi ikutan kerana Baginda adalah manusia yang benar dan dipercayai (Herlina Husem, 2017). Begitulah sepatutnya nilai pandangan pelajar terhadap guru yang sentiasa menjadi contoh teladan dan qudwah hasanah. Guru harus memastikan sahsiah dan setiap tindak-tanduk terutama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran adalah sentiasa yang terbaik kerana sewaktu sesi ini pandangan mata pelajar hanya tertumpu kepada guru yang mengajar di hadapan kelas. Pelajar sentiasa memerhati keperibadian dan sahsiah guru sama ada gerak laku yang baik atau buruk. Maka dengan itu, amat penting guru menunjukkan contoh yang baik dengan mempamerkan sahsiah dan gerak laku yang akan dijadikan contoh kepada pelajar (Siti Aminah Binti Ahmad, Zety Azlin Binti Elias, & Raikhan Binti Mormin, 2017). Mohd Anuar Mamat, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, & Azizi Che Seman & Nur Ulfah Harun (2019) juga berpendapat guru Pendidikan Islam khasnya merupakan rujukan dan contoh bukan sahaja kepada pelajar, tetapi juga berperanan sebagai contoh terbaik kepada rakan sekerja dan masyarakat.

#### 4.4 Menjadi Role Model Berpakaian Sopan Dan Menurut Syariat

Pakaian merupakan salah satu keperluan asas bagi setiap manusia dalam kehidupan seharian. Selain menjadi keperluan asas, pakaian juga merupakan simbol keperibadian seseorang. Oleh kerana itu, pandangan agama amat tepat dalam menentukan etika adab berpakaian yang menutup aurat dan mengikut panduan hukum syarak. Guru terutamanya guru Pendidikan Islam adalah individu yang sering

menjadi tumpuan dalam kalangan pelajar, rakan sekerja mahu pun warga sekolah dan masyarakat sekeliling. Personaliti dan penampilan diri dari segi cara berpakaian sentiasa diperhatikan. Seharusnya sebagai seorang guru, cara pemakaian yang sesuai, sopan dan menutup aurat perlu diamalkan kerana dengan pemakaian tersebut akan mencerminkan peribadi seorang guru. Islam tidak menetapkan pakaian yang harus dipakai dari segi warna, corak dan bentuk tetapi pakaian yang dipakai haruslah bersih, sopan, menutup aurat dan sesuai dengan akhlak seorang Muslim terutama dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang sentiasa menjadi model dan contoh dalam etika berpakaian. Walau bagaimanapun, menurut Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri (2015), sekalipun sifat suka bergaya dalam kalangan guru Pendidikan Islam wanita tidak begitu sesuai diperagakan ketika di luar sekolah, tetapi adalah wajar dilakukan ketika berada di dalam kawasan sekolah dengan keadaan pakaian yang tidak menjolok mata, menutup aurat dan tidak terlalu berlebih-lebihan.

Berkenaan adab berpakaian ini ada disebut dalam hadis yang berbunyi:

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه، عن النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قال: لا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ، قال رجلٌ: إِنَّ الرَّجُلَ يَحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَتَعْلُهُ حَسَنَةً، قال: إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ، الْكِبَرُ بَطْرٌ الْحَقُّ، وَغَمَطُ النَّاسِ

Maksudnya: Daripada 'Abd Allah bin Mas'ud radhiallahu'anhu daripada Nabi shallallahu'alaihiwasallam, sabda Baginda: Tidak akan masuk ke dalam syurga sesiapa yang di dalam hatinya ada seberat zarah daripada sifat sombong. Seorang sahabat bertanya: Sesungguhnya ada orang suka memakai pakaian dan kasut yang elok. Baginda menjawab: Sesungguhnya Allah itu cantik dan menyukai kecantikan. Sombong itu adalah menolak kebenaran dan merendahkan manusia.

Muslim, no 91

Berpakaian dengan cara berlebih-lebihan dari segi fesyen atau perhiasan akan menjadikan seseorang berasa takjub dan sombong dengan bentuk dan gaya pakaiannya yang lebih baik dan menarik daripada orang lain (Indra Fajar Nurdin, 2015). Oleh itu, guru harus mengamalkan adab berpakaian yang telah ditetapkan oleh syarak supaya sifat sombong ini tidak menebal di hati seorang guru yang muaddib. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Siti Aminah Binti Ahmad, Zety Azlin Binti Elias, & Raikhan Binti Mormin, 2017), membuktikan bahawa keberkesanan peranan guru dalam penghayatan akhlak menurut Imam al-Ghazali antaranya melalui adab berpakaian dalam kalangan guru dengan menutup aurat.

#### 4.5 Bil Hikmah Dan Mau'izatul Hasanah

Pendekatan bil hikmah dan mau'izatul hasanah merupakan metode yang paling utama dan perlu digunakan dalam berdakwah. GPI juga merupakan individu yang mempunyai peranan dalam usaha dakwah iaitu kepada golongan pelajar terutamanya sebagai orang yang diseru ke arah kebaikan. Pendekatan ini merupakan metode utama yang sesuai dipraktikkan dalam apa jua keadaan, situasi mahupun tempat. Sebagaimana dalam firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْ لَهُم بِأَلْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ  
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Surah al-Nahl (16):125

Pendekatan muaddib melalui bil hikmah dan mau'izatul hasanah sering dilakukan oleh orang-orang terdahulu dan insan yang bergelar guru dengan memberi nasihat yang baik kerana ia merupakan kewajiban setiap Muslim (Muhamad Lazim, 2011). Firman Allah S.W.T:

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ

Maksudnya:

“Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

Surah Al-'Asr (103): 3

Berdasarkan ayat daripada Surah Al-'Asr, orang-orang yang beriman dan beramal soleh sentiasa memberi nasihat, teguran dan tunjuk ajar ke arah kebaikan dengan sabar. Bertepatan dengan konsep hikmah, menurut Khadijah & Mohamad Zaid (2015) guru perlu sentiasa memberi semangat dan motivasi kepada pelajar dalam mencetuskan inspirasi untuk lebih bersungguh-sungguh dalam pelajaran. Guru sentiasa berusaha dengan sabar dan penuh hikmah dengan memahami tahap kemampuan pelajar. Sejarah silam telah membuktikan bahawa Allah SWT telah mengarahkan Nabi Musa dan Harun menjalankan dakwah kepada Firaun dengan cara yang berhikmah walaupun Firaun itu seorang yang sombong dan bongkak. Sebagaimana firman Allah SWT:

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ۖ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maksudnya:

"Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut"

Surah Taha (20):43-44

Kamarul Azmi & Ab Halim (2015) juga mempunyai pendapat yang sama bahawa guru yang profesional akan suka memberi tunjuk ajar, menunjukkan teladan yang baik serta memberi nasihat dalam erti kata lain bermaksud sabar dalam memberi teguran dan pesanan dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan

hukum-hakam agama terutama dalam kalangan GPI. Guru yang mempraktikkan konsep hikmah ini juga akan menggunakan perkataan yang baik dalam memberi nasihat dan tidak bersifat melulu serta mempunyai komunikasi yang berkesan dalam penyampaian dan mudah difahami ketika proses pengajaran dan pengajaran (Hamdi Ishak, 2015).

Khadijah & Mohamad Zaid (2015) juga berpendapat bahawa GPI harus mempunyai perwatakan yang lembut tetapi tegas dalam mendidik pelajar. Ironinya, pendekatan yang lembut akan melawan kekasaran dan kesombongan orang yang diajak untuk berubah ke arah yang lebih baik. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu GPI bolehlah menggunakan ketegasan seperti memberi hukuman yang tidak melampaui batas untuk memberi kesedaran yang lebih berkesan dari segi tingkah laku pelajar. Ini membuktikan bahawa sifat lemah lembut, prihatin dan kasih sayang guru terhadap pelajar menjadi perkara penting dalam mempraktikkan konsep hikmah dan mau'izatul hasanah dalam mendidik pelajar menjadi manusia yang berakhlak baik dan beradab. Pendapat ini disokong oleh Siti Rashidah et al. (2016) bahawa akhlak yang buruk dalam kalangan pelajar dapat dihapuskan dengan cara teguran dan nasihat secara lembut oleh GPI tanpa mengeluarkan kata-kata hinaan atau celaan yang perlu dilakukan secara berterusan. Pendekatan ini boleh dilakukan secara umum semasa perhimpunan atau semasa pengajaran dan pembelajaran, atau GPI boleh juga bertemu secara peribadi pelajar yang bermasalah dengan akhlak mereka. Di samping itu, Herlina (2017) juga mempunyai pendapat yang sama di mana hukuman dalam konsep ta'dib Islam mempunyai tujuan untuk mendidik dan membimbing anak terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tercela yang melanggar syariat Islam. Pendekatan hukuman ini dibenarkan selagi ia tidak memudharatkan anak untuk melatih mereka sentiasa beringat untuk menjaga tingkah laku dan beradab dengan adab yang baik. Malah, Herlina juga berpendapat bahawa adalah wajib ibubapa memberi peringatan atas kesalahan anak yang melanggar syariat dan mempunyai adab yang buruk sehingga hukuman itu tepat dan benar-benar dapat menyedarkan anak-anak. Begitu juga dalam situasi GPI dan pelajar.

#### 4.6 Rendah Diri, Sopan Dan Beretika

Berdasarkan kepada model pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menurut Hamdi (2015), antara faktor utama model adalah guru itu sendiri, di mana ia berdasarkan kemampuan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang dipengaruhi oleh sifat keperibadian guru selain kemahiran dan gaya pengajaran. Ini kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara langsung atau tidak akan melibatkan tingkah laku seorang guru dan pelajar. Berbalik kepada konsep ta'dib, ta'dib itu sebenarnya berkaitan sopan-santun, moral, budi pekerti, akhlak dan etika. (Indra Fajar Nurdin, 2015). Maka, dalam memastikan pendekatan al-muaddib ini memberi impak yang baik, GPI perlu bersikap dengan sikap rendah diri, bersopan-santun dan beretika sama ada ketika berhadapan dengan pelajar mahu pun rakan guru dan warga sekolah. Ketika berkomunikasi terutamanya, GPI perlu mengaplikasikan komunikasi berkesan kerana dalam sistem pendidikan, komunikasi merupakan wadah utama dalam menyampaikan ilmu manakala pelajar pula sebagai penerima ilmu. Maka, cara komunikasi GPI amat penting dalam mempengaruhi sikap pelajar dan dalam usaha GPI membentuk akhlak dan adab yang baik dalam kalangan pelajar. GPI juga perlu beradab dalam komunikasinya terhadap pelajar dengan nada suara yang lembut dan tenang serta tidak memperlekehkan pelajar dalam setiap

perkara yang mungkin menjadi kekangan atau masalah kepada pelajar lebih-lebih lagi yang akan menyentuh hal-hal sensitif. Secara fitrahnya, suara yang lembut dan tenang akan menghilangkan sifat kesombongan dan kekasaran yang akan menarik perhatian pelajar untuk lebih berakhlak dan beradab. (Khadijah Abdul Razak & Mohamad Zaid Dzakarria, 2015)

Pendidikan dan pembelajaran bukan sahaja proses memindahkan ilmu pengetahuan dan ketrampilan, tetapi yang paling utama adalah memindahkan nilai adab daripada guru kepada pelajar. Moh. Miftahul Choiri (2016) memetik daripada kitab Ta'limul Muta'alim karangan Syeikh al-Zarnuji bahawa nilai adab sama ada adab lahiriyah atau batiniah perlu ditekankan dalam pendidikan dan pembelajaran. Ini kerana guru merupakan cerminan dan menjadi perhatian pelajar, maka perlu untuk seorang guru itu mempunyai akhlak yang mulia dan berintegriti di samping sifat-sifat yang baik bagi seorang guru. Sifat rendah diri, jujur, sabar, bertanggungjawab serta semangat untuk berbakti merupakan beberapa contoh personaliti berkualiti yang setiap guru harus miliki. (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2017). Firman Allah SWT:

اَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ اَوْ يَخْشَى

Maksudnya:

"Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut"

Surah Taha (20):44

Berdasarkan potongan ayat di atas, Imam Ibnu Katsir ada menerangkan bahawa perkataan "qawlan layyuan" memberi maksud ucapan atau percakapan yang lemah-lembut. Menurut Herlina (2017), komunikasi yang dilakukan dengan cara lemah-lembut dan tidak menggunakan bahasa yang kasar dan mempunyai unsur-unsur sindiran atau cacian amat lebih bermakna dan mudah diterima oleh orang yang ingin dinasihati. Mohd Anuar at el. (2018) sependapat dengan apa yang dikatakan oleh Herlina di mana dalam berkomunikasi, sifat berhati-hati dalam berkata-kata atau memberi pendapat perlu dititikberatkan. Kelalaian dalam mengeluarkan kata-kata sama ada Ketika mengajar atau pun di luar waktu pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung akan mencalarkan imej dan maruah seorang guru yang dipandang mulia oleh pelajar dan masyarakat. Ia akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang yang mendengar mahu pun orang yang memerhati terhadap pemahaman mereka ke atas imej seorang guru.

## 5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, pendekatan al-Muaddib dalam kalangan GPI yang dipraktikkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu dalam usaha membentuk akhlak pelajar berdasarkan sifat-sifat baik yang ditunjukkan oleh GPI di dalam kelas. Walau bagaimanapun, seharusnya sifat-sifat ini telah sebatu dalam diri GPI sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah. Ini kerana sifat pelajar yang lebih suka memerhati setiap gerak laku guru mereka berbanding apa yang dituturkan oleh guru menjadikan pelajar lebih terkesan dengan apa yang dilakukan oleh guru.

## Rujukan

- Ajmain @ Jimaain Safar. (2015). Pentaksiran Akhlak ke arah Kemenjadian Insan. In Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman* (1st ed., pp. 165–176). Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893\\_132488.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893_132488.pdf)
- Albar Adetary Hasibuan. (2016). Ta'dib Sebagai Konsep Pendidikan: Telaah Atas Pemikiran Naquib Al-Attas. *At-Turas*, 3(1), 42–54.
- Ali Noer, Syahraini Tambak & Azin Sarumpaet. (2017). Konsep Adab Peserta Didik dalam Pembelajaran menurut Az-Zarnuji dan Implikasinya terhadap Pendidikan karakter di Indonesia. *Al-Hikmah: Jurnal Agama Dan Ilmu Pengetahuan*, 14(2), 181–208. <http://journal.uir.ac.id/index.php/alhikmah/article/view/1028/639>
- Azmil Hashim, Norisham Muhammad, & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2016). Qudwah Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(3), 28–35.
- Didik Efendi. (2019). Proses Pembentukan Aqidah dan Akhlak Pada Siswa Sekolah Dasar di Kota Jayapura. *Al-Adzka: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 9(1), 9–20. <https://doi.org/10.18592/aladzkapgmi.v9i1.2814>
- Evi Aeni Rufaedah. (2017). Teori Belajar Behavioristik Menurut Perspektif Islam. *Risâlah, Jurnal Pendidikan Dan Studi Islam*, 4(1), 14–30.
- Hamdi Ishak. (2015). Model Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. In Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman* (1st ed., pp. 93–100). Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893\\_132488.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893_132488.pdf)
- Hariyanto & Fibriana Anjaryati. (2016). Character Building: Telaah Pemikiran Ibnu Miskawaih Tentang Pendidikan Karakter. *Jurnal Pendidikan Agama Islam - Ta'lim*, 1(1), 111–118.
- Herlina Husem. (2017). Metode Ta'dib dan Komunikasi Islami Menurut Perspektif Al-Qur'an dan Hadist dalam Pembangunan Karakter Anak Usia Dini. *GOLDEN AGE: JURNAL PENDIDIKAN ANAK USIA DINI*, 1(2), 43–50. <https://doi.org/10.29313/ga.v1i2.3385>

- Indra Fajar Nurdin. (2015). Perbandingan Konsep Adab Menurut Ibn Hajar Al- 'Asqalany dengan Konsep Pendidikan Karakter di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4(1), 159–187.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab Halim Tamuri. (2015). Membudayakan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam yang Cemerlang. In Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman* (1st ed., pp. 1–20). Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893\\_132488.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893_132488.pdf)
- Khadijah Abdul Razak & Mohamad Zaid Dzakarria. (2015). Penghayatan Sifat Da'ī dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. In Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman* (1st ed., pp. 71–92). Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893\\_132488.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893_132488.pdf)
- Makhromi. (2017). Pendidik yang Berjiwa Mendidik : Upaya Mewujudkan Pendidikan Humanis Perspektif Tradidi Pendidikan Islam. *Jurnal Pemikiran Keislaman*, 28(1), 164–175. <https://doi.org/10.33367/tribakti.v28i1.473>
- Maman Sutarmam. (2018). PEMIKIRAN SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS TENTANG PENDIDIKAN ISLAM. *I'tibar: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 4(8), 1–15.
- Moh. Miftahul Choiri. (2016). *Konsep Pendidik Dalam Pandangan Islam dan Barat : Studi Pemikiran al-Zarnuji dan Paulo Freire*.
- Mohamad Khairi Othman. (2016). Pembentukan Akhlak Pelajar Menerusi Aplikasi Teknik-Teknik Penerapan Nilai dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 4(1), 58–70.
- Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Che Zarrina Sa'ari, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Zawawi Ismail, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Che'Razi Jusoh. (2018). Domain Diri dalam Adab Guru Menurut Imam Abū Ḥanīfah: Kajian Ke Arah Membentuk Etika Profesion Perguruan Islam. *At-Ta'dib*, 13(1), 105–138. <https://doi.org/10.21111/at-tadib.v13i1.1823>
- Mohd Anuar Mamat, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Che Zarrina Sa'ari, Azizi Che Seman, Nur Ulfah Harun, & Muhammad Zariff Ilias. (2019). Etika Perguruan Berasaskan Pemikiran Imam Abū Ḥanīfah: Kajian Tinjauan terhadap Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 3(1), 1–14.
- Mohd Anuar Mamat, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, C. Z. S., & Azizi Che Seman & Nur Ulfah Harun. (2019). Amalan Etika Perguruan Berasaskan Pemikiran Imam Abū Ḥanīfah: Suatu Tinjauan terhadap Aplikasi Guru Pendidikan Islam di Selangor (The Application of Ethics Based on Abū Ḥanīfah's Thought: A Survey among Islamic Education Teachers ). *UMRAN*



2017, 276–290. [http://aias.pnu.ac.th/ckfinder/userfiles/files/28\\_Syafiqah\\_Solehah\\_276-290.pdf](http://aias.pnu.ac.th/ckfinder/userfiles/files/28_Syafiqah_Solehah_276-290.pdf)

Tety Marzukhoh & Mahasri Shobahiya. (2017). Studi Komparatif Profil Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Perspektif Hasan Langgulung Dan Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Suhuf*, 29(1), 38–49.

Ubabuddin. (2018). Konsep Pendidikan Karakter Perspektif Islam. *Ta'dib: Jurnal Pendidikan Islam*, 7(1), 454–460. <https://doi.org/10.29313/tjpi.v7i1.3428>

Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin. (2015). Kajian kes perbezaan jantina dalam pembentukan sahsiah muslim pelajar. *Academia Journal UiTMT*, 4(1), 22–29.

Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri. (2015). Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Izzuddin Mohd Pisol (Ed.), *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman* (1st ed., pp. 177–188). Persatuan Intelektual Muslim Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893\\_132488.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00003893_132488.pdf)

Zuraidah Othman. (2013). PEMBENTUKAN ILMUWAN BERADAB MELALUI PENERAPAN KONSEP TA' DIB DALAM PENDIDIKAN: SUATU ANALISIS 1 ( Formation of Civilized Scientists t hrough an Application Concept of Ta'dib in Education: An Analysis). *Jurnal Al-Tamaddun*, 8(2), 27–35.